NOTIS SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Maran dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) dengan Gred, kategori dan pengkhususan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

No. Sebutharga	Butir-butir Tawaran	Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen Sebutharga	Tarikh Dan Tempat Lawat Tapak	Tarikh Pembelian
MDM / SH / 50/ 2025	Membaik Pulih Billboard Pelancongan Di Daerah Maran, Pahang Darul Makmur.	**Gred G1** Kategori Awam, Pengkhususan CE21	**RM20.00** (Tunai/ Debit Kad/ Cek/ Wang Pos/ Kiriman Wang Pos/ Bank Deraf) Atas nama **Yang DiPertua Majlis Daerah Maran**	01.09.2025 (Isnin) hingga 04.09.2025 (Khamis) Kontraktor dibenarkan melawat sendiri kawasan atau tapak cadangan projek yang dinyatakan dalam sebutharga ini. Sesi lawatan tapak ini **tidak diwajibkan**.	01.09.2025 (Isnin) hingga 04.09.2025 (Khamis) 8:30 pagi hingga 4:30 petang di Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Maran.

2. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada **Kontraktor yang sah** dibenarkan membuat pembelian sebutharga. Bagi maksud ini kontraktor hendaklah membawa **Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Asal Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK)** yang dikeluarkan oleh CIDB serta **Sijil Asal Taraf Bumiputera (STB)** oleh PKK semasa membuat pembelian sebutharga.

3. Kontraktor **WAJIB** mengemukakan **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate (TCC))** dengan status PATUH serta **WAJIB** mengemukakan penyata bank 3 bulan untuk membuat penilaian modal kewangan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (P.K. 2.9).

4. Kontraktor hendaklah mengambil inisiatif sendiri untuk melawat tapak, pembelian serta penyerahan dokumen sebutharga. Jabatan ini tidak bertanggungjawab di atas sebarang urusan pergerakan kontraktor. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Maran pada **08 September 2025 (Isnin) selewat-lewatnya jam 12:00 tengahari**. Pihak Majlis tidak akan menerima dokumen sebutharga yang lewat daripada tempoh yang ditetapkan. Majlis Daerah Maran juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
" TELITI PASTI BERKUALITI "

Saya yang menjalankan amanah,

Muhamad Anbarudin bin Mohd Yusoff @ Ahmat, AMP.
YANG DIPERTUA
Majlis Daerah Maran

Tarikh : 26 Ogos 2025